

16/03/2001

Azalina, Shuhanie disebut layak ketua Puteri Umno

KUALA LUMPUR, Khamis - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Azalina Othman Said dan ahli exco Pergerakan Wanita, Datin Shuhanie Deraman, disebut-sebut sebagai calon paling layak mengetuai Jawatankuasa Penaja Puteri Umno.

Penamaan dua nama itu dibuat berdasarkan faktor umur masing-masing di bawah 40 tahun, di samping kewibawaan mereka dalam pergerakan serta aktiviti parti.

Bagaimanapun, Azalina, 37, ketika dihubungi hari ini berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai pencalonannya kerana Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti tidak memaklukkannya berhubung perkara itu.

"Selama inipun apa yang diputuskan adalah keputusan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno. Perkara ini sepatutnya dirujuk kepada Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaacob.

"Biar keputusan dibuat dahulu. Bagi saya, paling penting ialah menjalankan peranan sebagai ahli Umno, ahli Majlis Tertinggi parti dan Pengerusi Biro Tindakan Sivil dengan berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai namanya yang disebut-sebut antara calon Ketua Puteri Umno atau mengetuai Jawatankuasa Penaja Puteri Umno berdasarkan keputusan MT baru-baru ini menghadkan usia Ketua Puteri kepada 40 tahun ke bawah.

Semalam Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sekurang-kurangnya dua nama dicadangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Umno untuk mengetuai Jawatankuasa Penaja Puteri Umno.

Abdullah dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno berkata, nama terbabit akan dikemukakan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mendapat pandangan serta kelulusan.

Sementara itu, Shuhanie, 33, juga tidak tahu menahu mengenai penamaan calon berkenaan kerana tumpuannya kini lebih kepada pemilihan peringkat cawangan dan bahagian Umno.

Sebaliknya, beliau berkata, desas-desus yang mengatakan beliau sebagai calon bagi mengetuai Jawatankuasa Penaja Puteri Umno sebagai khabar angin.

"Saya kini sibuk berkempen untuk menawarkan diri bagi bertanding jawatan Ketua Wanita Umno Bahagian Tanah Merah. Jadi, memang saya tidak terfikir langsung mengenai perkara ini.

"Tetapi dari pemerhatian saya, keputusan MT menghadkan usia Ketua Puteri pada 40 tahun ke bawah seolah menjurus kepada pemberian jawatan kepada individu tertentu," katanya.

Katanya, jika Umno benar-benar ingin mewujudkan unit Puteri Umno, perjalanan dan keahlian unit itu perlu dibuat melalui program khas yang berlainan kaedah daripada program sedia ada dalam Pergerakan Wanita Umno.

"Memang mudah mendapatkan keahlian unit Puteri Umno berdasarkan apa yang didaftar di kertas tetapi secara realitinya untuk mengumpulkan mereka bagi menjalankan aktiviti sukar.

"Pada masa yang sama, tidak mudah bagi seorang individu itu merealisasikan idealisme satu penubuhan sayap kanan parti apabila kertas cadangan itu bukan datang daripada dirinya sendiri," katanya.

(END)